



JABATAN AIR NEGERI SABAH

IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah (salah seorang ibu atau bapa, warganegara Malaysia yang lahir di Sabah)** yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan.

NAMA JAWATAN : PEMBANTU PENGUATKUASA, GRED KP19

Taraf Jawatan	: Pekerja Sambilan Harian
Kadar Upah Harian	: RM 54.00/sehari
Bilangan Kekosongan	: Dua (2)
Tempat Kekosongan	: Jabatan Air Daerah Tawau (1) Jabatan Air Daerah Lahad Datu (1)

SYARAT LANTIKAN

(a) Memiliki kelayakan berikut:

- (i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (ii) Lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan.
- (b) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (c) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (d) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (e) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (f) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
- (g) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

DESKRIPSI TUGAS

1. Mengurus dan memantau pemotongan akaun tertunggak notis dan ansuran
2. Membantu Mengurus kes pendakwaan mahkamah
3. Membuat pemotongan penyambungan tanpa meter
4. Membuat penyitaan
5. Mengurus tuntutan barang sitaan

CARA MEMOHON

Calon yang berminat boleh memohon dengan mengisi *google form* melalui pautan <https://forms.gle/8gvBaSiFSC7NfFYA8> atau imbas **kod QR** seperti di bawah:



Borang Permohonan

* Hanya calon - calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

**TARIKH AKHIR PERMOHONAN ADALAH PADA
29 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT), JAM 11.59 MALAM**